

TEKNIK MULTISENSORI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN LITERASI HURUF KANAK-KANAK PRASEKOLAH

Nur Syuhada binti Mohamad Abdul Wahab
Faridah Yunus
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Pembaharuan dalam sistem pendidikan dilaksanakan saban tahun bagi memastikan kualiti pendidikan negara setaraf dengan antarabangsa. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) memfokuskan penguasaan Tunjang Komunikasi (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris). Pendidikan Prasekolah adalah penting bagi kanak-kanak terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran literasi. Kanak-kanak di prasekolah mengalami pelbagai masalah antaranya mengalami masalah kekeliruan huruf. Rata-rata kanak-kanak prasekolah mengalami kekeliruan huruf semasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan di prasekolah. Ini menimbulkan kesukaran kepada kanak-kanak untuk memahami proses pembelajaran yang dijalankan. Teknik multisensori adalah bersesuaian dengan pembelajaran literasi kanak-kanak. Teknik multisensori membolehkan kanak-kanak meneroka dan dapat merangsang pancaindera kanak-kanak melalui aktiviti pembelajaran belajar melalui bermain. Teknik multisensori diaplikasikan oleh guru sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Namun, teknik ini tidak berlangsung sepenuhnya kerana pelbagai cabaran semasa. Sehubungan dengan itu, kertas konsep ini bertujuan untuk mendalami maksud teknik multisensori dalam pengajaran dan pembelajaran literasi huruf kanak-kanak dalam pendidikan prasekolah. Pelaksanaan teknik multisensori disarankan sebagai satu alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran literasi kanak-kanak. Teknik multisensori ini dilaksanakan bagi merangsang pancaindera kanak-kanak dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan. Perbincangan berkaitan teknik multisensori dalam pengajaran dan pembelajaran literasi huruf dan penggunaan telah dianalisis berdasarkan kajian-kajian penyelidikan lepas. Kesedaran tentang teknik multisensori dalam pengajaran dan pembelajaran literasi kanak-kanak perlu ditekankan dari peringkat awal walaupun menghadapi pelbagai cabaran kerana ia agenda utama dalam menentukan kejayaan transformasi pendidikan seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Kata Kunci: *Kanak-Kanak Prasekolah, Kekeliruan Huruf, Teknik Multisensory*

1.0 PENDIDIKAN PRASEKOLAH

Pendidikan prasekolah adalah pendidikan asas yang penting dan merupakan pendidikan awal dalam perkembangan hidup seseorang individu selepas pendidikan di rumah. Menurut Awang Had Salleh (1980), pendidikan prasekolah merupakan satu pendidikan

yang informal tetapi diinstitusikan dan bertujuan untuk memberikan kanak-kanak pendidikan yang relevan dengan umur mereka. Kanak-kanak mempunyai pelbagai potensi diri yang mesti dikembangkan ke tahap yang maksimum. Perkembangan fizikal, emosi, sosial, kreatif dan kognitif mereka harus dititikberatkan. Oleh itu, pendidikan prasekolah hendaklah memberi peluang kepada mereka bagi memperoleh segala kemahiran yang perlu untuk mereka berkembang dan mencapai tahap kecemerlangan yang diharapkan.

Matlamat pendidikan awal kanak-kanak bertujuan untuk memenuhi hak dan keperluan kanak-kanak. Hak kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan. Trend perkembangan pendidikan awal kanak-kanak menyedarkan kepada kita bahawa perubahan sering berlaku mengikut kehendak semasa untuk memberi kesan yang positif. Di peringkat prasekolah, tumpuan pendidikan ialah kepada kesediaan kanak-kanak dalam aspek tunjang komunikasi, tunjang kerohanian, sikap dan nilai, tunjang kemanusiaan, tunjang keterampilan diri, tunjang perkembangan fizikal dan estetika serta tunjang sains dan teknologi (Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah, 2010). Aktiviti yang dijalankan berpandukan pendekatan kontekstual ialah menyedari hakikat bahawa pembelajaran ialah satu proses pelbagai bentuk yang kompleks yang menjangkau melepasi kaedah-kaedah jenis latih tubi dan rangsangan dan tindak balas.

2.0 TEKNIK MULTISENSORI DALAM PENDIDIKAN PRASEKOLAH

Menurut kamus Dewan, multi bermaksud pelbagai dan sensori bermaksud deria. Teknik multisensori merupakan salah satu teknik pengajaran yang melibatkan pelbagai deria kanak-kanak seperti visual (penglihatan), audio (pendengaran), kinestetik (pergerakan) dan testile (sentuhan). Teknik multisensori ini merupakan salah satu teknik pengajaran yang dapat meningkatkan daya sensori kanak-kanak. Ini adalah kerana pengajaran dengan menggunakan teknik multisensori dapat merangsang penggunaan deria kanak-kanak seperti deria penglihatan, deria rasa, deria pendengaran, deria sentuh secara tidak langsung dapat membantu otak kanak-kanak untuk memahami dan menterjemahkan perkara yang dipelajari dalam bentuk yang lebih konkrit.

Teknik multisensori diperkenalkan oleh Dr Samuel Torrey Orton pada pertengahan tahun 1920. Beliau kemudiannya bekerjasama dengan Anna Gillingham dan menghasilkan kaedah Kaedah Orton –Gillingham. Kaedah ini kemudian dikenali sebagai teknik multisensori yang digunakan untuk merawat kanak-kanak yang mengalami disleksia.

Menurut McIntyre dan Pickering dalam Abigail Marshall, terdapat enam aspek dalam pengajaran menggunakan kaedah multisensori iaitu kesedaran fonologi, gabungan bunyi dan simbol, pembinaan suku kata, morfologi, sintaksis dan semantik. Teknik multisensori semasa mengajar kanak-kanak prasekolah bukan sahaja menggunakan pelbagai deria malahan menjadikan pembelajaran bertambah seronok dan bermain selain mengurangkan tekanan kanak-kanak. Kanak-kanak prasekolah juga tidak akan berasa bosan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan.

Menurut Abigail (2016) Terdapat beberapa pendekatan utama yang berbentuk multisensori dalam mengajar membaca bagi kanak-kanak yang mengalami kekeliruan huruf, seperti fono-grafik dan ejaan lisan serentak (SOS).

Fono-grafik ialah pendekatan multisensori, ia merupakan fonetik yang lebih laju daripada Orton-Gillingham dan menggalakkan kanak-kanak mengaplikasikan konsep dengan cepat dan membaca teks sebenar. Kaedah ini diperkembangkan oleh Carmen dan Geoffrey McGuiness, yang merupakan penulis kepada buku *Reading reflex*. Melalui kaedah ini pada permulaannya kanak-kanak diajar bahawa huruf ialah gambar bunyi dan beberapa keping gambar bunyi mengandungi lebih daripada satu huruf. Bermula dengan lapan gambar bunyi –enam konsonan dan dua vokal- kanak-kanak akan mula membina dan membaca perkataan. Kemahiran manipulatif digunakan dalam beberapa permainan dan latihan, menggunakan papan putih dan pen. Semasa latihan menulis, kanak-kanak menyebut bunyi setiap huruf semasa dia menulis setiap perkataan.

Aspek penting dalam fono-grafik adalah untuk mengelakkan kanak-kanak daripada membuat latih tubi. Selain memerlukan kanak-kanak menguasai sepenuhnya setiap bunyi huruf sebelum bergerak lebih jauh, konsep ini dikukuhkan lagi melalui latihan dan pengalaman dengan membaca konteks perkataan dengan pembedaan serta-merta oleh guru. Oleh kerana pendekatan ini mudah dan cepat, ibu bapa juga dapat melaksanakan pendekatan ini semasa mengajar anak-anak mereka di rumah.

Ejaan lisan serentak (*Simultaneous Oral Spelling* atau *SOS*) ialah teknik multisensori yang bertujuan untuk mengukuhkan lagi urutan huruf dalam perkataan yang menggunakan nama huruf lebih daripada bergantung pada paduan bunyi huruf. Guru menyebut perkataan dan kanak-kanak akan mengulangnya bagi memperkukuhkan lagi komponen auditori. Seterusnya, semasa melihat perkataan, kanak-kanak menyebut nama huruf dan ini mengukuhkan lagi kedua-dua komponen visual dan aspek urutan kiri ke kanan kombinasi huruf. Kemudian kanak-kanak menulis perkataan dan pada masa yang sama kanak-kanak akan menyebut setiap huruf. Aktiviti ini melibatkan unsur kinestetik kanak-kanak melalui pergerakan semasa menulis. Akhirnya, kanak-kanak akan membaca perkataan dengan kuat, sekali lagi mengaitkan visual dan auditori kanak-kanak. Teknik ini sering digunakan untuk menggabungkan kaedah Orton-Gillingham bagi mengajarkan perkataan yang didapati tidak sama dari segi fonetik.

3.0 TEKNIK MULTISENSORI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kanak-kanak mempunyai cara belajar mereka yang tersendiri dan sudah menjadi lumrah kanak-kanak suka bermain. Kanak-kanak bermain secara berseorangan, berpasangan dan dalam kumpulan. Bermain bagi kanak-kanak adalah satu kepentingan dalam hidup yang menjamin kesuburan rohani dan jasmani mereka. Bermain adalah kehendak semulajadi dalam diri kanak-kanak sebagaimana pentingnya makan dan tidur kepada kesihatan mereka. Oleh itu, “Belajar Melalui Bermain” memainkan peranan yang sangat penting di peringkat prasekolah untuk memupuk perkembangan dan penyuburan individu secara menyeluruh dan seimbang. Melalui bermain kanak-kanak dapat meneroka melalui multisensori kanak-kanak.

Kanak-kanak suka mencari dan mendapatkan maklumat daripada diri mereka sendiri dan alam sekeliling. Mereka belajar daripada tindakan mereka sendiri. Kanak-kanak juga suka mengikut contoh orang dewasa. Satu daripada strategi yang sesuai dengan pembelajaran kanak-kanak ialah belajar melalui bermain. Oleh itu, konsep belajar melalui bermain perlu dipraktikkan di peringkat prasekolah supaya kanak-kanak dapat diasuh secara tidak

langsung dapat mengembangkan kesuburan diri yang menyeluruh dan seimbang dalam aspek intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial.

Nilai belajar melalui bermain ini mula diperkenalkan dalam prasekolah oleh seorang pendidik berbangsa Jerman bernama Froebel semenjak awal abad ke-18. Permainan membolehkan kanak-kanak menggunakan segala derianya seperti deria pendengaran, penglihatan, rasa, hidu dan sentuh. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan model pembelajaran bermain sambil belajar dengan kepekaan deria oleh Friedrich Froebel (1782-1825). Melalui aktiviti bermain seperti melukis, bermain bongkah, berbuai, memanjat, bermain pasir dan air, kanak-kanak sebenarnya sedang melalui proses pembelajaran yang menarik lagi berkesan (dalam Bernand, Saracho, & Davis, 1987).

Merujuk kepada belajar melalui kepekaan deria Froebel, aktiviti yang pengkaji akan laksanakan untuk membantu mengatasi masalah kekeliruan huruf kanak-kanak adalah salah satunya membuat huruf dengan menggunakan doh melalui aktiviti ini melibatkan penggunaan deria kanak-kanak seperti deria penglihatan, hidu dan sentuh.

Montessori (2006) menganggap permainan adalah pekerjaan kanak-kanak. Beliau berpendapat bahawa kanak-kanak suka belajar dan mereka belajar melalui bermain. Bermain adalah keseronokan yang dialami semasa melakukannya. Kanak-kanak merasa terhibur apabila mereka bermain. Bermain adalah satu bentuk kesenian kanak-kanak. Ia merupakan satu saluran untuk melahirkan perasaan dan punca untuk mendapatkan kegembiraan dan keseronokan.

Almy (1984) menyatakan kanak-kanak bermain dengan diarah oleh diri mereka sendiri tanpa mengambil kira tujuan bermain. Semasa bermain, mereka bebas dari segala peraturan melalui permainan, kanak-kanak mendapat tingkah laku yang baru. Kanak-kanak melibatkan diri dalam permainan secara aktif.

Mengikut Vygotsky (1967),

Play is helpful in the development of language and thought. Mental structures are formed through the use of signs and tools and play helps in the formation. Play also frees the child from the constraints of the real world that surround the child. In the way play gives children greater control over situation than they would have in reality. Children play with meanings as well as with objects as a result of being freed from reality. They are thus allowed to engage in higher-order thought processes through play (dalam Bernand, Saracho, & Davis, 1987, m.s. 181).

Oleh kerana kanak-kanak tidak dapat berfikir secara abstrak, maka mereka memerlukan bahan konkrit dan pengalaman sebenar bagi memahami sesuatu perkara. Secara aktiviti secara bermain sesuai digabungkan dalam pengajaran modul asas terutamanya Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia (Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah, 2010). Bagi pembelajaran bahasa, kanak-kanak prasekolah perlu diberikan persekitaran yang boleh memberikan dorongan kepada mereka supaya mereka boleh belajar melalui persekitaran secara semulajadi dan menggunakan deria mereka.

Menurut Siti Hajar (1996), objektif permainan adalah untuk merangsang interaksi verbal pelajar, menambah kefasihan dan keyakinan, menyediakan konteks pembelajaran, alat mengikir rasa bosan, alat pemulihan, pengukuran dan pengayaan. Strategi ini juga mendatangkan lima kelebihan kepada kanak-kanak.

Kelebihan pertama strategi ini ialah untuk membolehkan kanak-kanak membiasakan diri menyebut sesuatu bunyi (perkataan, frasa dan ayat) dengan jelas, betul dan tepat.

Kelebihan lain strategi ini ialah permainan bahasa dijadikan bahan rangsangan sama ada semasa memulakan sesuatu pelajaran, pada pertengahan atau akhir pembelajaran. Sebagai bahan rangsangan, permainan bahasa tentunya dapat menarik minat dan perhatian kanak-kanak. Ini kerana kanak-kanak berpeluang menggunakan bahasa dalam suasana yang menyeronokkan serta terlibat secara aktif.

Selain daripada itu, dalam proses pengajaran dan pembelajaran, permainan bahasa lebih merupakan teknik mengulang kaji dan pengukuran. Ini bermakna apa yang dipelajari itu diulang-ulang sehingga kekal dalam ingatan. Teknik ini berperanan meningkatkan kefahaman kanak-kanak terhadap pembelajaran.

Kelebihan seterusnya ialah masa untuk permainan bahasa dianggap sebagai masa istirehat yang berfaedah. Teknik ini berupaya menghilangkan rasa letih dan bosan setelah belajar sehari suntuk. Dengan cara bermain kanak-kanak dapat memperbaharui semangat dan minat untuk meneruskan pembelajaran mereka.

Disamping itu, kanak-kanak berpeluang menggunakan kemahiran bahasa yang ada pada mereka dalam konteks dan situasi sebenar dan bermakna. Ini kerana semasa bermain, kanak-kanak akan bertindak balas secara spontan, iaitu dengan bertanya, memberikan arahan, meneka dan membaca. Keseronokan bermain seperti ini akan menghidupkan keinginan kanak-kanak untuk belajar, berfikir, mendengar dan mengeluarkan buah fikiran secara berkesan.

Menurut Rosner dan Rosner (1990), kanak-kanak pada peringkat prasekolah, biasanya mengalami kekeliruan huruf. Masalah ini akan hilang secara beransur-ansur apabila melangkah ke alam persekolahan. Pembelajaran di sekolah dibahagikan kepada dua peringkat utama iaitu belajar untuk membaca dan membaca untuk belajar (dalam Barnard, Crewther & Crewther, 1996). Bagi peringkat pertama iaitu peringkat belajar untuk membaca, terdapat proses yang dinamakan dekoding (*decoding*) yang melibatkan penterjemahan huruf kepada bentuk fonologikal dan bahasa. Sementara satu lagi proses yang terlibat ialah kefahaman (*comprehension*), iaitu satu proses yang lebih kompleks dan melibatkan pengekstrakan makna dari fonologikal yang dihasilkan.

Gibson & Levin (1975), telah mengenal pasti bahawa huruf dipelajari dengan mengenali ciri-ciri spatial yang tertentu. Dalam kes ini, guru-guru sangat berperanan dalam membantu kanak-kanak pada tahap awal membaca untuk membezakan huruf-huruf secara visual dengan menggunakan alat bantuan mengajar seperti buku huruf dan penggunaan kad huruf.

Berdasarkan teori pembelajaran semasa (Adams, 1990), adalah lebih baik untuk memperkenalkan huruf besar terlebih dahulu berbanding huruf kecil kepada kanak-kanak dan memperkenalkan beberapa huruf pada satu-satu masa berbanding banyak huruf bagi meningkatkan penguasaan pengetahuan mereka terhadap bunyi dan huruf. Pendapat ini disokong oleh Rosner & Rosner (1990), bahawa memperkenalkan huruf-huruf manuskrip kes rendah (huruf kecil) di samping penggunaan *mnemonic* yang tidak efektif serta kesalahan konsep pengecaman yang diamalkan oleh kanak-kanak tersebut ketika mempelajari huruf buat kali pertama boleh memberi kesan fenomena huruf terbalik. Disamping itu kajian, Abdul Aziz Talib (1989) juga melaporkan kesukaran-kesukaran dalam sesebuah ujian bacaan yang termasuk kesukaran pada peringkat huruf di mana kanak-kanak perlu mengenal bentuk huruf kecil terlebih dahulu sebelum mereka dapat menguasai kemahiran yang lain.

Brenna (1995) pula menyatakan kanak-kanak cenderung untuk memanipulasikan pengetahuan yang mereka ada untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Contohnya ketika mereka berhadapan dengan masalah huruf terbalik, iaitu memberikan jawapan alternatif *b* kepada huruf *p* yang ditunjukkan. Selain dari masalah kekeliruan huruf terbalik, kekeliruan jenis imej cermin juga wujud dan contoh kekeliruan yang sering didapati adalah kekeliruan antara huruf *b* dengan huruf *d* dan huruf *p* dengan huruf *q*.

Prabacaan ialah tahap penyediaan kanak-kanak untuk membaca di mana guru perlulah menyediakan pengalaman bahasa, iaitu mengenal dan mengecam huruf. Kanak-kanak perlu didedahkan dengan aktiviti yang boleh mendorong kanak-kanak dalam mempertingkatkan ketajaman penglihatan dan pendengaran.

Proses menguasai bacaan melibatkan tahap penguasaan yang berbeza-beza. Pada setiap aras penguasaan mencerminkan tahap penguasaan pembacaan bagi individu tersebut. Pada setiap penguasaan bacaan ini terdapat beberapa kaedah yang boleh diaplikasikan oleh pembaca. Setiap tahap boleh disimpulkan seperti berikut:

Pada tahap prabacaan yang juga dikenali sebagai kaedah huruf atau kaedah mengeja dan merupakan kaedah tradisional yang digunakan oleh guru untuk mengajar bacaan. Kanak-kanak dikehendaki mengenali nama, bentuk dan mengecam huruf abjad.

Kanak-kanak diperkenalkan dengan nama semua huruf yang terdapat dalam sistem ejaan semasa. Mereka perlu menghafal nama semua huruf yang diperkenalkan itu. Setelah kanak-kanak menghafal nama semua huruf dan mengenal huruf vokal serta bunyinya, pelajaran diteruskan dengan pembentukan suku kata secara berturutan. Kanak-kanak dilatih tubi membaca suku kata itu. Jelas strategi guru boleh gunakan untuk membantu penguasaan pada tahap ini.

Kaedah fonik digunakan pada tahap bacaan mekanis. Kaedah ini lebih menekankan amalan membuat latih tubi tentang penyebutan bunyi huruf, suku kata, frasa, ayat-ayat dan kurang memberi tumpuan kepada nama huruf. Kanak-kanak dilatih menyebut huruf secara terasing dan kemudiannya menggabungkan dengan bunyi-bunyi huruf lain untuk membentuk suku kata dan perkataan. Contoh lambang '*b*' bukannya '*bi*' tetapi disebut '*beh*', '*a*' disebut '*ah*' dan seterusnya.

Kaedah fonik ini sesuai diajar kepada kanak-kanak kerana Bahasa Melayu terdiri daripada suku kata yang hampir tetap bunyinya. Amalan ini membolehkan mereka yang baru belajar membaca melakukan latihan sebutan perkataan-perkataan baru.

Menurut Sofiah (1985), selepas kanak-kanak mempelajari sejumlah perbendaharaan kata, mereka akan membandingkan unsur-unsur yang sama dalam perkataan-perkataan tersebut, dan kemudiannya membuat satu kesimpulan umum mengenai bunyi-bunyi yang terdapat dalam perkataan-perkataan yang telah dipelajari. Contohnya, selepas kanak-kanak diajarkan perkataan-perkataan yang dimulakan dengan bunyi yang sama seperti *mana*, *mama*, *makan*, *baju*, *bapa*, *bawa*, mereka diajar melihat dan mengenal bahawa perkataan-perkataan itu bermula dengan huruf dan suku kata yang sama tetapi memberi makna yang berbeza-beza.

Pembelajaran kontekstual adalah pembelajaran yang berlaku secara rapat dan relevan dengan pengalaman kanak-kanak. Ahli pendidikan lain telah menggunakan istilah '*experiential learning*', '*real-word education*', '*active learning*', '*concrete learning*', '*learner-centred instruction*', '*school-to-work learning*', '*work based learning*', '*job shadowing*', dan '*Applied Academics*' untuk konsep pembelajaran yang serupa dengan pembelajaran kontekstual.

Mengikut teori pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran hanya berlaku apabila kanak-kanak dapat memproses maklumat atau ilmu baru dalam konteks yang bermakna, iaitu maklumat atau ilmu itu dapat diperolehi apabila ternampaknya hubungan dengan situasi yang kanak-kanak akan menghadapi dalam kehidupannya.

Rasional mengapa pengkaji menggunakan pendekatan kontekstual, dalam menggalakkan pembelajaran adalah kerana dalam proses pembelajaran, maklumat baru diproses dan diserapkan untuk dijadikan sebahagian daripada struktur kognitif dalam minda kanak-kanak. Pembelajaran bermakna akan berlaku apabila maklumat baru dapat dikaitkan dengan struktur kognitif sedia ada untuk membina suatu kerangka baru ilmu pengetahuan yang lebih luas. Pendekatan kontekstual juga banyak mengaplikasikan teknik multisensori.

Kajian National Institutes of Child Health and Human Development di Amerika mendapati teknik pembelajaran multisensori ialah teknik yang paling efektif untuk mengajar kanak-kanak yang menghadapi masalah dalam bacaan. Kajian tersebut menunjukkan teknik multisensori lebih berkesan daripada kaedah fonetik. Teknik multisensori menjadi lebih berkesan jika input sensori seperti penggunaan cahaya yang terang, huruf menggunakan kertas pasir dapat digunakan.

Menurut kajian Margaret Combley (2001) menyatakan pembelajaran untuk membaca dan mengeja bergantung kepada keupayaan kanak-kanak untuk mendengar, melihat, menyebut dan menulis. Kegagalan kanak-kanak dalam keupayaan ini menyebabkan kanak-kanak tidak dapat menguasai kemahiran ini.

4.0 CABARAN DALAM PELAKSANAAN TEKNIK MULTISENSORI

Menurut kajian-kajian lepas, teknik multisensori dapat mempercepatkan proses kanak-kanak untuk mengenal huruf dan membaca terutamanya kanak-kanak yang mengalami disleksia, tetapi sejauhmanakah pelaksanaan teknik multisensori ini dilaksanakan di kelas-

kelas prasekolah bagi membantu kanak-kanak dalam pengajaran dan pembelajaran literasi ini adalah kerana ramai guru-guru masih belum didedahkan dengan teknik multisensori. Sekiranya guru masih belum memahami teknik multisensori, maka ini menimbulkan kesukaran kepada guru untuk melaksanakan teknik multisensori terhadap kanak-kanak. Pelaksanaan teknik multisensori tidak memerlukan perbelanjaan yang banyak, kerana ianya melalui aktiviti belajar melalui bermain dan pembelajaran kontekstual, kanak-kanak prasekolah akan meneroka melalui pancaindera mereka.

Guru perlu menyediakan bahan bantu mengajar dan persekitaran yang dapat membantu kanak-kanak dalam melaksanakan teknik ini. Bahan-bahan bantu mengajar yang dihasilkan dapat membantu penguasaan pancaindera kanak-kanak. Saban hari, beban tugas guru semakin banyak maka guru tidak dapat menghasilkan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan teknik multisensori contohnya dalam membina huruf-huruf blok dengan menggunakan kertas pasir.

Guru juga sukar mendapatkan penglibatan ibu bapa dan penjaga dalam proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dalam mengaplikasikan teknik multisensori di rumah.

5.0 IMPLIKASI DAN CADANGAN

Pelaksanaan teknik multisensori seharusnya diiringi dengan penglibatan oleh kedua-dua pihak iaitu guru dan kanak-kanak. Pendedahan mengenai teknik multisensori sepatutnya menjadi suatu agenda besar di dalam sistem pendidikan kanak-kanak di negara kita bagi meningkatkan prestasi pendidikan negara setaraf dengan dunia. Guru dan kanak-kanak bukan sahaja perlu diberi pendedahan tentang teknik multisensori tetapi digesa agar mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran.

Disarankan agar semua pihak terutama para guru dan kanak-kanak meluaskan penggunaan teknik multisensori dalam semua mata pelajaran di prasekolah sebagai medium untuk meningkatkan kemahiran di kalangan kanak-kanak. Guru-guru digalakkan mengubah cara pendekatan mengajar secara konvensional kepada cara yang lebih menarik dan membuka pemikiran murid. Pendekatan baharu ini diharapkan lebih kompetitif dan lebih bermakna dalam membantu kecemerlangan dalam sistem pendidikan kanak-kanak di Malaysia. Pendekatan pengajaran yang mengaplikasikan teknik multisensori juga boleh diperkembangkan kepada aktiviti di luar kelas.

Hakikatnya, proses pembelajaran menggunakan teknik multisensori mengambil masa yang panjang untuk diterapkan. Namun, guru boleh menggunakan teknik multisensori dalam pembelajaran bagi merangsang daya ingatan dan kemahiran kanak-kanak. Selain itu, kemahiran kanak-kanak dapat diperkembang dan diperluaskan.

Seterusnya, kajian-kajian yang perlu diteruskan oleh penyelidik dalam menilai keberkesanan teknik multisensori dalam meningkatkan pencapaian kanak-kanak dalam pelbagai bidang. Di samping, latihan dan bengkel secara komprehensif perlu dijalankan kepada para pendidik dari pihak kerajaan mahupun swasta agar terus menguasai teknik multisensori ini.

Kesimpulannya, teknik multisensori sangat dianjurkan dalam meningkatkan kemahiran setiap kanak-kanak kerana mereka berhak memilih kaedah dan cara tersendiri untuk

belajar. Melalui teknik multisensori guru dan kanak-kanak bebas menentukan cara dan gaya pembelajaran masing-masing untuk mencapai peningkatan dalam prestasi mereka.

6.0 RUJUKAN

- Abd. Aziz Abd Talib. (2000). *Pedagogi Bahasa Malaysia: Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Abigail Marshall. (2016). *Panduan Lengkap Ibu Bapa Kanak-kanak dengan Disleksia*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Adams, M. (1990). *Beginning to Read*. Cambridge: MIT Press.
- Ai Hong Chen & Noor Suriani Mohamad. (2002). *Jurnal Kesihatan Masyarakat Isu Khas. Kekeliruan Mengecam Huruf B-D-P-Q Di Kalangan Kanak-Kanak Pra-Sekolah*.
- Almy, M. (1984). *A Child Right to Play*. In J. F Brown (Ed.). *Administration for Young Children*. Washington: NAEYC.
- Awang Had Salleh. (1980). *Pendidikan ke Arah Perpaduan : Sebuah perspektif sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Barnard, P. A., Crewther, S. G., & Crewther, D. (1996). *Visual Processing and Dyslexia*. *Clin Exp Optom*. 79:19-20.
- Bernard, S., Saracho, O. N., & Davis, M. D. (1987). *Foundations of Early Childhood Education, Teaching Three-, Four-, and Five-old Children*. NJ: Prentice-Hall Inc.
- Brenna, B. A. (1995). *Fine Early Readers Solving Problems: A Case Study*. *Reading*. 29:30-33.
- Gibson, E., & Levin, E. (1975). *The Psychology of Reading*. Cambridge: MIT Press.
- Graham, S. (1999). *Handwriting and Spelling Instruction for Students with Learning Disabilities: A Review*. *Learning Disability Quarterly*. 22:2.
- Graham, S., Harris, K.R. (2005). *Improving the Writing Performance of Young Struggling Writers: Theoretical and Programmatic Research from the Center on Accelerating Student Learning*. *The Journal of Special Education*. 39.1/2005.19-33.
- Higgins, K., Arditi, A. & Knoblauch, K. (1996). *Detection and discrimination of mirror image letter pairs in central and peripheral vision*. *Vision Research*. 36: 331-337.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur. PPK. Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Dokumen Standard Kurikulum Prasekolah*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: KPM.
- Mastura Bazdis. (2008). *Pendidikan Anak-anak di Peringkat Awal Umur Berasaskan Binaan Kurikulum yang Integratif*. *Jurnal Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC)*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Malaysia.
- Mercer, C.D. (2005). *Teaching Student With Learning Problems*. UK: Prentice Hall.
- Montessori, M. (2006). *The Montessori Method*. New York: Cosimo Classics.
- Morrisson, G.S. (2011). *Fundamental of Early Childhood Education*. New Jersey: Pearson.
- Rosner, J., & Rosner, J. (1990). *Pediatric Optometry*. United States: Butterworth Heinemann.
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali. (2013). *Belajar Melalui Bermain : Prinsip Utama Kurikulum Pendidikan Awal Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur. Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Hadijah Bt. Mahmud. (2004). *Meningkatkan Kebolehan Membezakan Huruf b dan d*

dengan Betul di Dalam Bacaan Bagi Murid-murid Pemulihan. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia.